

International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)
eISSN: 2682-8464 Vol.2 No. 2 [June 2020]
Journal website: <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijeap>

KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi^{1*}, Maizura Komari² dan Norazimah Zakaria³

^{1,2} Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

³ Faculty of Language and Communication, University Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

*Pengarang penghubung: mazarul@fpm.upsi.edu.my

Article Information:

Article history:

Received date : 26 December.2019
Revised date : 1 January.2020
Accepted date : 28 April 2020
Published date : 12 May 2020

To cite this document:

Mohamad Hanapi, M., Komari, M., & Zakaria, N. (2020). KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 2(2), 9-17.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah daripada aspek kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (sikap) terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di Pelabuhan Klang, Selangor. Seramai 60 orang guru Pendidikan Islam dipilih secara bertujuan dalam menjayakan kajian ini. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan dan menggunakan set soal selidik telah dipilih bagi kajian ini. Skala Likert lima mata digunakan bagi tahap kesediaan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Statistical Package for The Social Science (SPSS) version 21.0 dan ditunjukkan dalam peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru Pendidikan Islam di Pelabuhan Klang, Selangor berada pada tahap tinggi dari aspek pengetahuan, manakala aspek kemahiran dan sikap berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa kesediaan guru daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap amat penting dan diperlukan dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21, agar pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna. Diharapkan kajian ini akan menjadi rujukan kepada guru-guru Pendidikan Islam dalam menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan.*

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Pembelajaran abad-21, pengajaran, kognitif, psikomotor, afektif.

1. Pengenalan

Pembelajaran Dunia globalisasi abad ke-21 memerlukan modal insan berkualiti tinggi. Konsep kemahiran abad ke-21 sebagai paksi kurikulum program pendidikan telah diterima di kebanyakan negara. Menteri Pendidikan Singapura menyatakan bahawa individu yang lengkap dengan kemahiran abad ke-21 merupakan individu yang mempunyai keyakinan diri, mengamalkan pembelajaran sendiri, menyumbang dengan aktif, dan merupakan warganegara yang prihatin (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Di Finland, kemahiran abad ke-21 berteraskan perkembangan sendiri, identiti budaya dan keantarabangsaan, kemahiran media dan komunikasi, warganegara partisipatif, bertanggungjawab terhadap persekitaran, menitikberatkan kesihatan diri dan masa depan yang lestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Mantan Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Seri Mahdzir Khalid ada menyatakan dalam ucapan beliau semasa merasmikan Konvensyen Kecemerlangan Pendidikan 2.0 Parlimen Kuala Kangsar 2017 bahawa, Malaysia amat memerlukan warganegara yang mempunyai pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang bagi mencapai taraf negara maju pada abad ke-21. Melalui pendidikan dan pengetahuan kita akan dapat mengendalikan dan menerima semua transformasi yang berlaku (Mahdzir, 2017).

Pembelajaran abad ke-21 merupakan satu proses pembelajaran yang berpusatkan murid. Elemen komunikasi, pemikiran kritis, dan kreativiti, kolaboratif serta aplikasi nilai murni dan etika merupakan teras bagi pembelajaran tersebut (KPM, 2017). Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam pembelajaran abad ke-21 (Pendidik2u, 2018, Januari 26). Pembelajaran abad ke-21 ini selari dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Hal ini kerana, KSSR dan KSSM ini merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 yang dihasratkan oleh KPM dan selaras dengan PPPM (Buletin Anjakan, Bil. 4/2015).

Bagi menghadapi abad ke-21, guru mempunyai peranan yang besar demi menggalas tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan demi melahirkan modal insan yang dihasratkan oleh KPM. Kini, guru bukan hanya mengajar di dalam bilik darjah, tetapi bertugas tanpa had waktu sebagai tenaga pendidik dan pemudah cara untuk murid (Maria Uffa, 2017). Oleh itu, seseorang guru hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, kemahiran yang luas, kreatif dan inovasi serta mempunyai minat yang mendalam terhadap pendidikan bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

2. Kajian Literatur

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan pembelajaran abad ke-21. Antaranya, kajian oleh Azalida & Norazilawati (2018) tentang kesediaan guru Sains sekolah rendah daripada aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 di Jasin. Nooraini & Abdul Halim (2017) pula telah mengkaji tentang tahap kesediaan guru Matematik sekolah menengah dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dari aspek kognitif (pemahaman), tingkah laku, dan afektif (emosi). Isu kesediaan guru ini juga dibincangkan oleh Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi (2018) di dalam kajiannya mengenai pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. Badrul Hisham & Mohd. Nasruddin (2016) telah membuat kajian tentang amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Seterusnya kajian Raja Abdullah & Daud (2018) yang mengkaji tentang amalan sendiri guru pelatih praktikum Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail dalam melaksanakan konsep pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kajian-kajian mengenai pembelajaran abad ke-21 ini turut dijalankan di luar negara. Antaranya, kajian Mark Anthony (2017) yang mengkaji tentang kemahiran abad ke-21 dan prestasi kerja guru-guru di Filipina. Di Kenya, David Melita (2015) telah mengkaji tentang program persediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21.

3. Penyataan Masalah

Kajian yang dijalankan oleh Nooraini & Abdul Halim (2017) mendapati, tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah adalah sederhana dari aspek kognitif, tingkah laku dan afektif. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa, dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, tahap kesediaan dari aspek pengetahuan itu penting bagi seseorang guru. Tahap kesediaan yang tinggi dari aspek tingkah laku dan emosi juga perlu ada pada diri seseorang guru agar pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dapat dilaksanakan dengan jayanya sama ada di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Dalam kajian Ainun Rahmah et al. (2017), pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap, motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Oleh itu, dalam melahirkan pelajar yang cemerlang pada abad ke-21, guru-guru perlu mempunyai kesediaan yang tinggi dan mampu memperluaskan diri mereka dari aspek kognitif, tingkah laku dan afektif sebagaimana hasrat negara yang tercatat dalam FPK (Nooraini & Abdul Halim, 2017).

Badrul Hisham & Mohd. Nasruddin (2016) ada menyatakan dalam kajian beliau bahawa, kemahiran pemikiran kritikal merupakan asas kepada amalan pengajaran dan pembelajaran yang perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Guru perlu lebih kreatif, inovatif, berfikiran kritikal, mampu menyelesaikan masalah dan berupaya membuat keputusan adalah cara berfikir pendidik yang baik dalam amalan pedagogi abad ke-21. Manakala, guru yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dan gerak kerja berpasukan yang tinggi merupakan cara bekerja pendidik yang baik. Dalam bidang pedagogi, seseorang guru itu perlu sentiasa berilmu pengetahuan dan celik

ICT (*Information and Communication Technology*). Kesemua faktor ini yang membantu dan menyumbang kepada pendidik yang berkualiti, kompetensi dan dinamik.

Dalam menghadapi cabaran pembelajaran abad ke-21, guru-guru hendaklah bersedia menerima perubahan dan cekap menguruskan perubahan supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan segar serta memenuhi keperluan dan kehendak murid. Guru-guru haruslah bersedia dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan bersedia memberi input serta menerapkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi abad ke-21. Seajar dengan itu, kajian ini ingin meneroka gambaran keseluruhan tahap kesediaan guru-guru sekolah rendah khususnya guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21.

4. Kaedah Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di kalangan guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah berdasarkan aspek pengetahuan. Kaedah kajian bagi makalah ini adalah kaedah kuantitatif. Kaedah tinjauan telah dipilih oleh pengkaji sebagai reka bentuk kajian ini. Manakala alat kajiannya ialah soal selidik. Kajian ini hanya melibatkan lebih kurang 60 orang guru yang terdiri daripada guru lelaki dan guru perempuan. Responden kajian adalah di kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor.

5. Analisis Kajian

Mengenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 merupakan objektif utama kajian ini dijalankan. Tahap kesediaan yang dikaji ialah dari aspek kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran) dan afektif (sikap).

Dapatan kajian yang diperoleh adalah merujuk kepada maklum balas responden seramai 60 orang guru Pendidikan Islam daripada tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor. Borang soal selidik telah diguna pakai bagi mendapatkan data. Terdapat empat bahagian dalam borang soal selidik tersebut iaitu, latar belakang responden, tahap kesediaan guru dari aspek kognitif (pengetahuan), tahap kesediaan guru dari aspek psikomotor (kemahiran) dan tahap kesediaan guru dari aspek afektif (sikap).

Program SPSS Windows versi 21.0 telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh bagi mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan yang diperoleh adalah untuk menjawab semua persoalan kajian.

Secara keseluruhan, analisis dapatan kajian mengenai kesediaan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 telah mendapat skor min yang tinggi. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam dari tujuh buah sekolah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai kesediaan yang sangat baik dari aspek pengetahuan dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 seperti mana yang dihasratkan oleh KPM. Hal ini kerana, ilmu pengetahuan yang tinggi amat penting bagi seseorang guru supaya pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dapat dilaksanakan dengan berkesan (Kamarudin, 1997).

Item B10 “saya perlu belajar untuk menambah pengetahuan tentang pelaksanaan pembelajaran abad ke-21” merupakan item yang mendapat skor yang tertinggi antara 10 item yang terdapat dalam bahagian kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dari aspek kognitif (pengetahuan). Dapatan ini selaras dengan dapatan dari kajian Azalida & Norazilawati (2018), yang mana guru-guru hendaklah sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan tentang pengajaran dan pembelajaran agar pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dalam merealisasikan usaha KPM ke arah pendidikan bertaraf dunia, kesediaan guru dari aspek pengetahuan amat penting dan diperlukan untuk seseorang guru itu sama ada yang sedang atau bakal mengajar. Seseorang guru itu hendaklah mempunyai pengetahuan tentang pedagogi isi kandungan mata pelajaran yang hendak diajar. Hal ini adalah perkara asas yang harus dikuasai oleh guru-guru untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran mempunyai arah tuju (Shaffe et al., 2009).

Hasil dapatan kajian ini mendapati guru-guru Pendidikan Islam dari tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai kesediaan yang tinggi dari aspek pengetahuan isi kandungan dan pedagogi mata pelajaran yang diajar dengan menerapkan elemen-elemen pembelajaran abad ke-21. Guru-guru ini juga bersedia untuk menambah ilmu pengetahuan mereka dengan mengikuti kursus dan bengkel yang berkaitan dengan pembelajaran abad ke-21 pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, hasil analisis kajian tentang tahap kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 telah menunjukkan skor min yang sederhana dari aspek psikomotor (kemahiran). Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam dari tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor telah bersedia dari aspek psikomotor (kemahiran) dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 dalam mata pelajaran yang mereka ajar. Hal ini kerana, aspek kemahiran merupakan aspek yang penting sama seperti aspek ilmu pengetahuan. Ianya perlu ada pada setiap diri seseorang guru agar pengajarannya mempunyai hala tuju yang betul (Shafee et al., 2009).

Item C6 “saya sentiasa bersedia untuk berkongsi kemahiran dengan guru-guru lain tentang sukatan pelajaran Pendidikan Islam” merupakan item yang mendapat skor min yang tertinggi di antara 10 item kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah dari aspek psikomotor (kemahiran) terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Ianya selaras dengan kajian kes yang telah dilaksanakan oleh Rohani et al. (2017). Dalam kajian tersebut ada menyatakan bahawa penerapan kemahiran dalam pembelajaran abad ke-21 merupakan elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Penemuan kajian ini mendapati guru-guru yang cemerlang hendaklah memperbaiki teknik dan kaedah pengajaran serta persekitaran mengajar mereka agar dapat memenuhi keperluan murid-murid dan kurikulum pembelajaran abad ke-21. Oleh hal yang demikian, guru-guru hendaklah sentiasa berkongsi kemahiran dalam mempelbagaikan strategi dan teknik pengajaran supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya mendapati bahawa, tahap kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah dari aspek afektif (sikap) berada pada skor min yang sederhana terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Dapatan ini mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam dari tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Hal ini kerana, guru-guru yang mempunyai sikap yang positif akan dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hasil dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Azalida & Norazilawati (2018).

Item D9 “saya bersedia untuk mengikuti kursus berkaitan subjek Pendidikan Islam demi meningkatkan kemahiran saya” merupakan item yang tertinggi di antara 13 item yang terdapat dalam bahagian kesediaan guru Pendidikan Islam sekolah rendah dari aspek afektif (sikap) terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam daripada tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai sikap yang positif untuk mengikuti kursus yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Seseorang guru yang mempunyai sikap yang positif akan melahirkan murid-murid yang mempunyai sikap yang positif juga (Ainun Rahmah et al., 2017).

6. Kesimpulan

Sistem kurikulum yang baharu digubal semestinya mempunyai pro dan kontra yang tersendiri. Ia adalah salah satu usaha kerajaan untuk memberikan kualiti pendidikan yang terulung bagi kemaslahatan masyarakatnya. Sistem pendidikan dan guru saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Sistem pendidikan sebagai kapal dan gurulah menjadi jentera yang menjalankan kapal tersebut.

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberikan gambaran awal berkaitan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam dari tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. Dapatan kajian ini membawa kepada beberapa implikasi terhadap dasar dan amalan pengajaran dan pembelajaran, khususnya di sekolah-sekolah kebangsaan dalam memperkasakan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Secara khususnya, kajian ini memberikan gambaran bahawa guru-guru Pendidikan Islam di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dari aspek kognitif (pengetahuan). Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam sentiasa berusaha dalam mempertingkatkan kesediaan mereka seterusnya memberi kesan yang positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil tinjauan secara terperinci dari aspek kognitif (pengetahuan) memberi gambaran bahawa, guru-guru Pendidikan Islam dari tujuh buah sekolah rendah di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor ini sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka tentang pelaksanaan pembelajaran abad ke-21, supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Namun begitu, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa, masih terdapat guru-guru yang kurang berpengetahuan dalam menguruskan ujian-ujian mengikut tahap pentaksiran yang telah ditetapkan dalam DSKP.

Guru merupakan agen pelaksana yang menentukan keberhasilan sebarang perubahan yang dilaksanakan oleh KPM dalam meningkatkan sistem pendidikan negara. Pembelajaran abad ke-21 adalah salah satu usaha yang dilaksanakan oleh KPM melalui PPPM 2013-2025 dalam merealisasikan matlamat pendidikan ke arah pendidikan bertaraf dunia. Ianya sejajar dengan pelaksanaan kurikulum baru iaitu KSSR yang bermula semenjak tahun 2011 dan KSSR (Semakan) yang bermula pada tahun 2017. Oleh yang demikian, guru-guru perlu sentiasa bersedia mempersiapkan diri daripada pelbagai aspek ke arah pembentukan pendidikan abad ke-21.

Guru-guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan tentang isi kandungan kurikulum mata pelajaran yang diajar, pengurusan dan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21, pendekatan serta kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan mutu pengajaran yang lebih berkesan. Selain itu, kemahiran pengajaran dan ICT perlu dipertingkatkan untuk membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan melahirkan murid-murid yang cemerlang.

Rujukan

- Abdul Ghoni Ahmad. (2018, Februari). Pendidikan kita bertaraf dunia. *Majalah Pendidik*. 9-11
- Abdul Halim Abdullah. (2018, Januari 03). *Teruskan amalan pendidikan abad ke-21 untuk kejayaan berterusan*. Diperoleh daripada <https://educ.utm.my/halim/teruskan-amalan-pendidikan-abad-ke21-untuk-kejayaan-berterusan/>
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 7. Bil. 2.
- Aminudin Mansor. (2017, Julai). Rencam dan hebat cabaran guru abad ke-21. *Majalah Pendidik*. Diperoleh daripada <https://www.pendidik.com.my/majalah/pendidik-julai-2017/item/426-rencam-hebat-cabaran-guru-abad-ke-21/>
- Azalida Tajudin & Norazilawati Abdullah. (2018). Kesiediaan guru Sains sekolah rendah terhadap pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. Vol. 8. No. 1.
- Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin Basar. (2016). Amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Jilid 10.
- Buletin Anjakan. (Bil 4/2015). Pembelajaran abad ke-21: Amalan dan pelaksanaan di sekolah. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my>pemberitahuan>
- Buletin Anjakan. (Bil 5/2015). Guru abad ke-21. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-*

2025. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my>>pemberitahuan David Melita. (2015). Teacher education preparation program for the 21st century. which way forward for Kenya? *Journal of Education and Practice*. Vol. 6. No. 24.
- Ismail, M. Z., & Othman, M. K. (2018). Amalan Pedagogi Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 13, 54-71.
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh kesediaan guru terhadap pengurusan bilik darjah abad ke-21. *Malaysia Journal of Sciences and Humanities*. Vol. 3. Issue. 4.
- Kamarudin Husin. (2010). *Psikologi pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan* (ed. Ke-4). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Diperoleh daripada <https://pelanpembangunanpendidikanmalaysia2013-2025ringkasan-130909000252.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun 1 (Semakan)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pembelajaran abad ke-21 (PAK 21)*. Diperoleh daripada <https://www.slideshare.net/nsyairie74/kit-penerangan-pak21-79959132>
- Mahdzir. (2017, Mei). Pendidikan penjana transformasi. *Majalah Pendidik*. 6-7
- Maria Uffa Zulkafeli. (2016, November 29). Malaysia perbaiki kedudukan dalam TIMMS 2015. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/node/218122>
- Maria Uffa Zulkafeli. (2017, Mei 16). Cabaran guru abad ke-21. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <https://www.pressreader.com>malaysia>
- Mark Anthony. (2017). The 21st century skills and job performance of teachers. *Journal of Education and Practice*. Vol. 8. No. 32.
- Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah. (2017). *Kesediaan guru Matematik sekolah menengah dalam melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran abad ke-21*. Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazilawati Abdullah et al. (2014). Kesediaan guru Sains dan Matematik dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*. Vol. 4. No. 1.
- Pejabat Pendidikan Daerah Klang. (2017). *Modul teras pembelajaran abad ke-21: Aplikasi dalam PdPc*. Selangor: Pejabat Pendidikan Daerah Klang.
- Pendidik. (2016, November). 'Saya membalas jasa baik kerajaan' – Dr. Khair. *Majalah Pendidik*. 8-14
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi 'Konsep 4C' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal*. Vol. 1. Issue 1.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(1).
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2019). The Relationship between Students' Involvement in 21st Century Classroom Learning Activities and Higher Order Thinking Skills

(Hubungan antara Keterlibatan Pelajar dalam Aktiviti Pembelajaran Abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(1), 59-64.

Shaffe Mohd Daud et al. (2009). *Pengajaran dan pembelajaran daripada pelbagai perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.